

UMP-Utusan perkukuh kerjasama strategik

UTUSAN MALAYSIA, 5 NOV 2016 (DARUL NEGERI) h/4

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) hari ini mengukuhkan hubungan dengan menjalin kerjasama strategik bersama Kumpulan Utusan dengan menaja akhbar digital menerusi Program Kerjasama Pintar Bersama E-Paper bernilai RM36,000.

Majlis penyerahan tajaan akhbar digital itu diserahkan oleh Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim kepada Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak.

Menurut Daing Nasir, Kumpulan Utusan boleh diibaratkan sebagai harta negara kerana merupakan sebuah organisasi yang memainkan peranan penting ketika penubuhan Tanah Melayu, era kemerdekaan dan Raja-Raja Melayu.

Bagaimanapun jelasnya, setiap organisasi pasti akan berhadapan dengan cabaran tersendiri termasuk UMP apabila tinjauan universiti mendapati pelajar pada masa kini lebih cenderung mendapatkan maklumat dan bahan rujukan menggunakan gajet.

"Oleh itu, tidak menafikan ledakan penggunaan gajet, universiti telah memikirkan cara terbaharu meningkatkan proses pembelajaran iaitu membaca akhbar menerusi telefon bimbit.

"Selain itu, penjenamaan UMP banyak dibantu rakan-rakan media terutama *Utusan Malaysia* yang memainkan peranannya dan kita berbangga apabila dapat mengakses akhbar ini secara digital," katanya ketika berucap dalam majlis tersebut yang berlangsung



PENGARANG Foto *Utusan Malaysia*, Abdul Kadir Bachok memberi penerangan kepada Dr. Daing Nasir Ibrahim dan kakitangan akademik UMP mengenai pemprosesan gambar di Jabatan Pengarang, pada majlis penyerahan tajaan akhbar digital di Ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

di Dewan Besar Ibu pejabat Utusan Melayu, di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

Sementara itu, wakil daripada

Kumpulan Utusan pula ialah Penolong Ketua Pengarang, Datuk Hassan Mohd. Noor; Pengurus Jabatan Pengarang, Ainol Amriz Ismail; Penolong Pengarang *Utusan Malaysia*, Zulkiflee Bakar dan Pengarang Berita Kanan, Mohd. Ridzwan Md. Iman.

Lawatan yang melibatkan pengurusan tertinggi UMP itu adalah kunjungan balas kepada Kumpulan Utusan yang sebelum ini menghadiri majlis terbuka

puasa bersama Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, pada Ramadan lalu.

Sementara itu, Abdul Aziz berkata, tajaan akhbar digital antara kedua-dua organisasi ini merupakan hasil daripada muafakat yang terbina.

"Kita berharap UMP akan, terus menjadikan Kumpulan Utusan sebagai rakan strategik dan bersedia bekerjasama sekali gus membawa persahabatan," katanya.